

# Kekosongan Kabinet hanya selepas Tun M lepaskan jawatan

**Cyberjaya:** Sebarang kekosongan jawatan dalam Kabinet, mungkin hanya berlaku apabila Tun Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata, setakat ini tiada sebarang isu berhubung kekosongan jawatan dalam Jemaah Menteri, kerana tiada sesiapa meletak jawatan seperti ditegaskan Dr Mahathir.

“Saya kira (akan berlaku kekosongan dalam Kabinet) jika PM (Perdana Menteri) kosongkan (jawatan), itulah (seperti) yang dijanjikan,” katanya selepas mengadakan lawatan ke CyberSecurity Malaysia di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir kelmarin, yang menegaskan barisan Jemaah Menteri sedia ada kekal, kecuali ada menteri meletak jawatan.

Perdana Menteri selepas mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dilaporkan berkata, mesyuarat mingguan Kabinet juga tidak membincangkan pertukaran portfolio menteri, pelantikan menteri baharu atau menggantikan mana-mana menteri.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya, sama ada Kabinet ada membincangkan lebih lanjut mengenai pertukaran portfolio menteri dan kemungkinan usaha membawa masuk Presiden PKR,



*Dr Wan Azizah melawat CyberSecurity Malaysia di Cyberjaya, semalam sambil diiringi Pengerusi Ahli Lembaga Pengarahnya, Tan Sri Mohd Azumi Mohamed (kanan) dan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Eddin Syazlee Shith (tiga dari kanan).*  
(Foto Ahmad Irham Mohd Noor/BH)

Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sementara itu, dalam majlis berasingan di Parlimen semalam, Anwar sekali lagi menegaskan, yang beliau tidak pernah menawarkan diri menyertai Kabinet.

“Terima kasih, saya tidak pernah menawarkan diri menyertai Kabinet,” katanya ketika mengu-

las kenyataan Dr Mahathir, mengenai ketiadaan tempat untuknya menyertai Jemaah Menteri sedia ada kerana tiada kekosongan.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson berkata, beliau terikat kepada konsensus dan persepahaman dipersetujui Pakatan

Harapan (PH) untuk memberi ruang sepenuhnya kepada Dr Mahathir memimpin, sehingga gilirannya tiba pada masa yang sesuai.

“Tiada isu langsung sama ada saya hendak menjadi ahli Kabinet. Saya sudah nyatakan perkara ini dengan jelas,” katanya.